

RANCANGAN PERNIAGAAN

Lights Decor

DISEDIAKAN UNTUK :

PUAN NURJALILAH ABDULLAH
PENSYARAH ETR300
ITM CAWANGAN MELAKA

DISEDIAKAN OLEH :

MASLINDA MAT RODZI.....	96355718
SHARMILA SENIN.....	96137837
SYARUL ESSAM ABU SAMAH.....	96249717
NOR HANIZA ISMAIL.....	96134230
YANTY IDAYU MUSLEH.....	96694162
ASNIDA AZLINI AHMAD.....	96517477

DIPLOMA PENGAJIAN PERNIAGAAN
ITM CAWANGAN MELAKA
SEMESTER 05



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 15hb. Januari 1999
Surat Tuan:
Surat Kami: 100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963

06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pengurusan dan Perniagaan di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 Asas Keusahawanan.

Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Syarul Essam bin Abu Samah	96249717
2.	Sharmila bt. Senin	96137837
3.	Maslinda bt. Mat Rodzi	96355718
4.	Yanty Idayu bt Musleh	96694162
5.	Nor Haniza bt Ismail	96134230
6.	Asnida Azlini bt. Ahmad	96517477

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarikan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

SHAHARIAH HJ. OSMAN
Ketua Kursus DBS
ITM Melaka.
b/p Provos

Diploma Pengajian Perniagaan
Bahagian 05,
ITM Cawangan Melaka,
KM 26, Jalan Lendu,
78000 Alor Gajah,
MELAKA

Puan Nurjalilah bt. Abdullah
Pensyarah ETR 300,
ITM Cawangan Melaka,
KM 26, Jalan Lendu,
78000 Alor Gajah,
MELAKA

Puan,

PENYERAHAN LAPORAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Merujuk kepada perkara di atas, kami seramai enam orang ahli kumpulan dari Kursus Diploma Pengajian Perniagaan telah ditugaskan untuk menyediakan satu laporan Rancangan Perniagaan sebagai salah satu projek yang mesti dilaksanakan bagi memenuhi keperluan di dalam subjek ETR300.

2. Pihak kami telah bersepakat untuk memilih kategori penjualan sebagai bidang perniagaan yang ingin diceburi. Justeru, kami telah memilih untuk melibatkan diri di dalam perniagaan penjualan pelbagai jenis lampu seperti lampu siling, lampu dinding dan lampu 'garden'. Selain itu, perniagaan tersebut juga menyediakan beberapa kemudahan lain seperti perkhidmatan penghantaran dan pemasangan.

3. Berdasarkan penyelidikan yang telah dibuat, kami berkeyakinan bahawa perniagaan ini mampu memberi pulangan yang lumayan di samping berdaya maju serta berkemampuan untuk bersaing di dalam pasaran yang ada.


4. Isi kandungan Racangan Perniagaan ini dihasilkan berdasarkan format dan prosedur yang telah ditetapkan oleh pensyarah-pensyarah yang terlibat dalam subjek ETR300. Selain daripada itu, kami juga telah meneliti Rancangan Perniagaan yang lama sebagai rujukan tambahan.

5. Kami berharap agar laporan yang kami sediakan ini menepati dan memenuhi syarat-syarat serta matlamat-matlamat perniagaan yang telah ditetapkan.

6. Semoga Puan berpuas hati dengan laporan yang kami sediakan ini. Kami juga memohon maaf sekiranya terdapat kesilapan atau kekurangan di dalam laporan ini.

Sekian, terima kasih.


Yang benar,



(MASLINDA MAT RODZI : 96355718)



(SHARMILA SENIN : 96137837)



(SYARUL ESSAM ABU SAMAH : 96249717)

1.0 PENGENALAN

Lights Décor Enterprise merupakan sebuah perniagaan yang menyediakan perkhidmatan penjualan dan pemasangan pelbagai jenis lampu. Perniagaan ini dimiliki sepenuhnya oleh usahawan Bumiputera sebagai menyahut cabaran Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohammad dalam meningkatkan penglibatan Bumiputera di dalam sektor perniagaan.

Lampu merupakan sebahagian daripada keperluan asas dalam kehidupan serba moden ini dan sesungguhnya perniagaan lampu mempunyai potensi yang baik untuk berkembang maju. Oleh sebab itulah kami memilih untuk menjalankan perniagaan ini.

Selain daripada itu, kestabilan ekonomi dan politik di negara ini serta taraf hidup penduduk yang kian meningkat akan mewujudkan permintaan yang memberangsangkan terhadap pelbagai jenis lampu.

Kami berkeyakinan bahawa dengan perancangan yang teratur dan usaha yang gigih, perniagaan penjualan dan pemasangan pelbagai jenis lampu ini akan mendatangkan hasil yang lumayan. Peluang keemasan ini tidak akan kami persiakan bagi membuktikan keupayaan kami dalam menyediakan satu bentuk keperluan yang lazimnya dimonopoli oleh kaum bukan Bumiputera.

Semoga usaha kami ini diberkati Allah S.W.T.